

16 JUL 2000

Mahathir-pengganti/I

DR MAHATHIR YAKIN PENGGANTI AKAN BERJAYA

MELBOURNE, 16 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahahtir Mohamad yakin sesiapa saja yang menggantikan beliau akan menjadi pemimpin berwibawa.

"Saya sendiri tidak dianggap calon yang layak untuk jawatan perdana menteri sebelum saya menjadi timbalan perdana menteri," katanya dalam temu bual dengan Greg Sheridan, editor luar negara bagi akhbar "The Australian" di Kuala Lumpur baru-baru ini.

Dr Mahathir berkata beliau bercadang untuk bersara pada 1998 tetapi terpaksa melupakan hasrat itu akibat masalah yang timbul dengan timbalannya ketika itu Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Tetapi beliau tetap dengan pendirian bahawa tempoh parlimen sekarang yang akan tamat pada tahun 2004 adalah yang terakhir baginya.

"Saya akan menjangkau usia 80 tahun," katanya.

Dr Mahathir mengakui bahawa mata lebam yang dialami oleh Anwar ketika dalam tahanan yang menyebabkan bekas Ketua Polis Negara Tan Sri Rahim Noor dikenakan hukuman, menguntungkan parti-parti pembangkang.

Tetapi menurut perdana menteri, isu Anwar semakin dilupai oleh orang ramai.

Timbalan presiden Parti Keadilan Nasional Chandra Muzaffar pula memberitahu Sheridan bahawa secara keseluruhannya, kejayaan dan kegagalan Dr Mahathir adalah kompleks.

"Gambaran yang terdapat selepas pilihan raya ialah beliau kehilangan sokongan di kawasan Melayu. Beliau mengambil beberapa tindakan seolah-olah beliau terdesak, umpamanya mengenakan sekatan terhadap akhbar pembangkang.

"Tetapi beliau seorang yang bijak untuk mengenal pasti masalah dengan menawarkan sesuatu kepada pengundi -- seperti menubuhkan suruhanjaya hak asasi manusia yang dianggotai beberapa tokoh berwibawa.

"Beliau telah membuat beberapa perubahan, dan dengan pemulihan ekonomi, saya berpendapat beliau dalam kedudukan selesa. Tetapi beliau belum lagi mendapat apa yang dikehendakinya, iaitu bukti jelas beliau telah mengukuhkan kedudukannya di kalangan pengundi Melayu keseluruhannya," kata Chandra.

Beliau berkata Dr Mahathir memiliki satu aspek penyelamat.

"Beliau bukan seperti Suharto, daripada segi keluarga -- beliau benar-benar mempunyai azam untuk membangunkan negara," katanya.

-- BERNAMA

NDC MAI